



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN PROJEK CENTRAL SPINE ROAD: BENTONG BYPASS, PAHANG OLEH YB MENTERI KERJA RAYA & YB MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

Bentong, Pahang : YB Menteri Kerja Raya & YB Menteri Pengangkutan Malaysia hari ini akan merasmikan pelancaran Projek *Central Spine Road* yang bermula dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 350km, dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sg. Lakit, Kelantan (47km)

Pakej 2: Jambatan Sg. Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59km)

**Pakej 3: Gua Musang ke Kg. Relong, Kuala Lipis, Pahang
(92.5km)**

Pakej 4: Kg. Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (50km)

Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54km)

Pakej 6: Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang (47.5km)

Pada masa ini keutamaan kerajaan adalah untuk melaksanakan sebahagian Pakej 3 iaitu dari Mentara ke Kampung Seberang Jelai, Pahang (kawasan kemalangan) sepanjang 61.15km berdasarkan faktor keselamatan dan juga sebahagian Pakej 5 iaitu dari Kampung Asap ke Kampung Sertik serta Bentong Bypass, Pahang sepanjang 28.5km

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

berdasarkan faktor kesesakan lalu lintas. Sebahagian jajaran tersebut di Pakej 3 iaitu dari Kampung Kubang Rusa ke Kampung Seberang Jelai, Pahang sepanjang 41.35km telah pun siap dilaksanakan.

Projek ini yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dengan kos yang diluluskan sebanyak RM578.25 juta. Keperluan projek ini adalah selaras dengan keadaan semasa trafik yang kian meningkat saban tahun dan Kerajaan merasakan telah tiba masa untuk memberikan komitmen bagi melaksanakan jajaran Bentong Bypass. Projek ini dibahagikan kepada tiga (3) Seksyen Pembinaan iaitu Seksyen 5C1, Seksyen 5C2 dan Seksyen 5D yang telah dimulakan secara berperingkat mulai November 2015 dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11).

Skop projek Bentong Bypass ini ialah membina jalan baru empat lorong dua hala dengan piawaian JKR R5 sepanjang 28.5km. Bentong Bypass merupakan laluan alternatif Jalan Persekutuan FT08 sedia ada yang dapat memberikan keselesaan kepada pengguna & mengurangkan kesesakan lalu lintas seterusnya menjimatkan masa perjalanan. Projek ini juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan infrastruktur dan ekonomi di sepanjang koridor Wilayah Ekonomi Pantai Timur.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 JANUARI 2017

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my